

HARI : SELASA
TARIKH : 13/8/2019
M/SURAT : 14A

Puas hati kertas kerja

Georgetown: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berpuas hati dengan penyediaan kertas kerja pelaksanaan subsidi petrol secara bersasar.

Menyertai, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, kertas kerja itu kini di peringkat akhir dan dijangka dibentangkan kepada Kabinet dalam tempoh terdekat.

"Dalam proses akhir ini, kita sedang membungkukan kriteria kumpulan sasar yang dise-

mak melalui data Bantuan Sara Hidup, data Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), selain turut merujuk Bank Negara.

"Selepas ia selesai, kertas kerja itu akan dibentangkan dan jika tiada pindaan, keputusan akan terus diumumkan kepada awam.

"Setakat kerja-kerja awal ini saya sangat berpuas hati, cuma garis masa yang ditetapkan lari sikit dan ia sepatutnya siap pada suku kedua tahun ini," katanya.